




أمانت تاهون بهارو

# AMANAT TAHUN BAHARU

*"Kebersamaan Demi Rakyat"*

**MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM**
**KEBERKATAN • KEMAKMURAN • KEBAJIKAN**

05 Januari 2021 / 21 Jamadil Awal 1442



وَعَدَ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ لَيَسْتَخْلِفَنَّهُمْ فِي الْأَرْضِ كَمَا اسْتَخْلَفَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ وَلَيُمَكِّنَنَّ لَهُمْ دِينَهُمُ
الَّذِي ارْتَضَىٰ لَهُمْ وَلَيُبَدِّلَنَّهُمْ مِنْ بَعْدِ خَوْفِهِمْ أَمْنًا ۚ يَعْبُدُونَنِي لَا يُشْرِكُونَ بِي شَيْئًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَٰلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ
الْفَاسِقُونَ

*Maksudnya:*

*Allah menjanjikan kepada orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari kalangan kamu (wahai umat Muhammad) bahawa Dia akan menjadikan mereka khalifah-khalifah yang memegang kuasa pemerintahan di bumi, Sebagaimana Allah telah menjadikan orang-orang yang sebelum mereka: khalifah yang berkuasa; dan Dia akan menguatkan dan mengembangkan agama mereka (agama Islam) yang telah diredhaiNya untuk mereka; dan Dia Allah juga akan menggantikan bagi mereka keamanan setelah mereka mengalami ketakutan (dari ancaman musuh). Mereka terus beribadat kepadaKu dengan tidak mempersekutukan sesuatu yang lain denganKu. Dan (ingatlah) sesiapa yang kufur ingkar sesudah itu, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq*

*(An-Nur: Ayat 55)*

أمانت تاهون بهارو 2021

AMANAT TAHUN BAHARU
YAB MENTERI BESAR KELANTAN
05 januari 2021 ■ 21 JAMADILAWAL 1442



# SELAMAT TAHUN BAHARU

# 2021

KEPADA SEMUA RAKYAT NEGERI KELANTAN

UNIT KOMUNIKASI
MENTERI BESAR | UKMB

أمانت تاهون بهارو 2021

AMANAT TAHUN BAHARU
YAB MENTERI BESAR KELANTAN

05 januari 2021 ■ 21 JAMADILAWAL 1442





**Suasana aman dan sejahtera negeri ini** yang mana rakyatnya hidup aman dan damai telah merentasi kaum Melayu, Cina, India, Siam dan lain – lain.

Kesejahteraan, keamanan dan kestabilan ini adalah bukti **penerimaan terhadap 30 tahun dasar Membangun Bersama Islam** bagi setiap lapisan rakyat negeri Kelantan.





## *Petikan Surah An-Nur ayat 55*

- Pertama, Allah swt telah berjanji kepada orang yang beriman dan orang yang beramal soleh bahawa mereka akan diberi kuasa untuk memerintah dibumi sebagaimana ia telah diberi kepada khalifah-khalifah terdahulu

- Kedua, Allah swt akan menguatkan dan mengembangkan agama (Islam) yang telah diredhaiNya

- Ketiga, Allah akan menukar daripada suasana ketakutan kepada keamanan dan kesejahteraan hasil daripada pelaksanaan tuntutan Allah dalam masyarakat.



Dalam segala kejayaan mahupun musibah, dalam segala kebaikan mahupun kesalahan,



Kasih sayang Allah yang bersifat Ar-Rahman dan Ar-Rahim sentiasa mengatasi kemurkaan-Nya.

أمانت تاهون بهارو 2021

AMANAT TAHUN BAHARU
YAB MENTERI BESAR KELANTAN

05 januari 2021 ■ 21 JAMADILAWAL 1442



Marilah kita menjadi umat yang benar-benar bersyukur atas segala nikmat yang diberikan





أَحَسِبَ ٱلنَّاسُ أَن يُتْرَكُوٓا۟ أَن يَقُولُوٓا۟ ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ

*Maksudnya:*

*Adakah manusia menyangka bahawa mereka akan dibiarkan dengan hanya berkata" kami telah beriman'? Sedangkan mereka tidak diuji?*

*(Al-Ankabut ayat 2)*








## Penghargaan khususnya:

- Pegawai dan kakitangan Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Majlis Keselamatan Negara
- Anggota perkhidmatan Awam negeri Kelantan
- Wakil rakyat, pihak berkuasa tempatan, para penghulu serta pimpinan dipelbagai peringkat di setiap DUN
- Rakyat negeri Kelantan atas kerjasama dalam pematuhan dan pembudayaan norma baharu



# KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT MERUPAKAN KEUTAMAAN KERAJAAN NEGERI

## RUMAH DHUAFAT
(2009 - 2019)

**BINA BARU :856 BUAH**
PERBELANJAAN
**SEBANYAK RM 34.65 JUTA**

**BAIK PULIH : 5,113 BUAH**
PERBELANJAAN
**SEBANYAK RM 51.13 JUTA**



أمانت تاهون بهارو 2021
AMANAT TAHUN BAHARU
YAB MENTERI BESAR KELANTAN
05 januari 2021 ▪ 21 JAMADILAWAL 1442



# KESEJAHTERAAN DAN KEBAJIKAN RAKYAT MERUPAKAN KEUTAMAAN KERAJAAN

## TAHUN 2020

**SKIM AL-IT'AM:**
PENERIMA:
**13,250**
PERBELANJAAN:
**RM 5.7 JUTA**

**SKIM KIFALAH:**
PENERIMA:
**4,410**
PERBELANJAAN:
**RM 4.4 JUTA**

**BANTUAN KECIL USAHAWAN WANITA:**
PERBELANJAAN:
**RM 2.5 JUTA**



**Tahun 2020**
## RM33Juta

- Peruntukan sebagai inisiatif bagi membantu rakyat dan
- sektor - sektor ekonomi yang terjejas akibat kesan Covid 19.

---

**Tahun 2021**
## RM40Juta

- Daripada peruntukan pembangunan khas negeri
- sebagai persedian bagi menghadapi kesan jangka panjang akibat penularan covid-19.

**Kerajaan Negeri sentiasa berusaha sedaya upaya untuk memastikan setiap kebajikan dan kesejahteraan rakyat dapat diberi perhatian sebaik mungkin**



## Tema Amanat Tahun Baharu 2021:

# *Kebersamaan Demi Rakyat*





**Penjawat awam sebagai tulang belakang kuat yang mendukung pelaksanaan dasar dan program Kerajaan Negeri** selama ini sehingga Kerajaan Negeri terus berjaya mengekalkan prestasi pentadbiran yang cemerlang khususnya prestasi kewangan negeri.





# PRESTASI KEWANGAN 2020

**Surplus atau lebihan**

**RM45.44 juta**

**Hasil yang dipungut**

**RM746.99 juta**

**Perbelanjaan**

**RM701.55 juta**



**Kerja gigih, dan pengorbanan seluruh anggota perkhidmatan awam Kelantan adalah faktor utama kepada kejayaan-kejayaan**

# TIGA AGENDA UTAMA

1) Pembangunan industri hiliran bagi menambah peluang pekerjaan kepada rakyat
2) Kebersihan, keceriaan dan kehijauan negeri
3) Program pembangunan insan dalam usaha menangani gejala sosial








# EMPAT TERAS UTAMA GERAK KERJA

- Perlaksanaan Pelan Strategik Menangani Gejala Sosial
- Pengembangan Ekonomi Rakyat & Pembangunan Infrastruktur Negeri
- Pengukuhan Sumber Hasil
- Pemerkasaan Sistem Penyampaian Kerajaan



## 1) PERLAKSANAAN PELAN STRATEGIK MENANGANI GEJALA SOSIAL

- Kelantan bukan sahaja diukur dari dimensi ekonomi dan pembangunan fizikal semata-mata namun apa yang lebih penting adalah melahirkan masyarakat yang bertaqwa, berilmu dan berakhlak mulia

- Kerajaan Negeri menjaga dan memelihara suasana beragama rakyat dengan pendidikan yang berteraskan Dasar Pendidikan Rabbani Kelantan



## 1) PERLAKSANAAN PELAN STRATEGIK MENANGANI GEJALA SOSIAL

- Kerajaan Negeri menyokong institusi pondok di negeri ini. Sebanyak 49 buah pondok telah menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri pada tahun 2020 sebagai penghargaan dalam memastikan syiar Islam di negeri ini terus kukuh.
- Bahagian Dakwah Halaqat memainkan peranan yang cukup besar dalam memandu masyarakat di segenap kampung-kampung terus menghayati cara hidup Islam dan berakhlak mulia sejajar dengan wawasan Kerajaan Negeri






# 1) PERLAKSANAAN PELAN STRATEGIK MENANGANI GEJALA SOSIAL

## MEKANISMA UTAMA DALAM MENENTUKAN GERAK KERJA PEMBANGUNAN INSAN UNTUK MENCAPAI VISI DAN MISI

Selaras dengan perkembangan semasa bahawa ancaman gejala sosial dan maksiat semakin mencabar dan menggugat keutuhan akidah ummah

Gerak kerja yang tersusun dan bersepadu berupaya mengekang gejala maksiat di peringkat negeri, jajahan dan kampung di negeri Kelantan

Agensi-agensi berbentuk kumpulan sasar berkepentingan agensi belia dan wanita perlu dilibatkan secara menyeluruh






## PELAN TINDAKAN STRATEGIK MENANGANI GEJALA SOSIAL DAN MAKSIAT 2020-2023

Sebagai salah satu KPI utama kearah peningkatan Indeks Sosio Taqwa Kelantan seterusnya mencapai objektif dalam tonggak Keberkatan untuk menjayakan Pelan Induk Kelantan Melangkah Kehadapan

## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

*Terima Kasih*

Kerajaan Persekutuan dibawah kepimpinan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin diatas pertimbangan bagi kelulusan projek-projek dibawah

**Rancangan Malaysia Ke-12, Rolling Plan 1 (RP1)**

## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

**Projek-projek keutamaan yang diluluskan adalah projek yang melibatkan Industri dan prasarana perniagaan yang antaranya;**

i) Taman Industri Tok Bali

ii) Pembinaan Infrastruktur Kawasan Industri Bersepadu Berasaskan IBS Di Sungai Bagan, Labok, Machang

iii) Membina Bangunan Pasar Baru Di Pasar Siti Hajar, Pasir Puteh





## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

**INFRASTRUKTUR**

- PEMBINAAN LEBUHRAYA CENTRAL SPINE ROAD (CSR)
- PEMBINAAN JAMBATAN PALEKBANG-KOTA BHARU
- MEMBINA JAMBATAN BAHARU RANTAU PANJANG-GOLOK, PASIR MAS
- MEMBINA JALAN DAN JAMBATAN MELINTASI REL KERETA API DARI KOK KELI KE KOK PASIR TUMPAT
- PEMBESARAN DAN MENAIKTARAF LAPANGAN TERBANG SULTAN ISMAIL PETRA
- PENERUSAN PROJEK MEMBINA LEBUH RAYA KOTA BHARU KE KUALA KRAI

## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

### INFRASTRUKTUR BEKALAN AIR

- PROJEK BEKALAN AIR LUAR BANDAR (BALB)
- PEMBINAAN 'LOW WEIR' DI SUNGAI PAHI, KUALA KRAI
- PEMBINAAN 'LOW WEIR' DI SUNGAI PENGKALAN DATU KOTA BHARU
- KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA SEBAGAI KAWALAN SUMBER AIR MUSIM KEMARAU



## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

### PROJEK-PROJEK LAIN

**01** PEMBINAANKOMPLEKS AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA (APMM) NEGERI KELANTAN, TOK BALI

**02** PROJEK PEMBINAAN TAPAK PELUPUSAN SANITARI SISA PEPEJAL DI JEDOK, TANAH MERAH

**03** PEMBINAAN ICQ RANTAU PANJANG



## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

**Pelbagai projek prasarana sukan apabila Negeri Kelantan bakal menganjurkan Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2026**







## 2) PENGEMBANGAN EKONOMI RAKYAT & PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGERI

### Penubuhan Jawatankuasa Kawal Selia Merancang dan Menyelaras Aktiviti-aktiviti Pemajuan Projek Pembangunan Negeri Kelantan (JKMPPP)

Bagi menyelesai dan meluluskan permohonan-permohonan pembangunan di peringkat Negeri

# 3)PENGUKUHAN SUMBER HASIL MELALUI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Tahun 2020

Jumlah hasil yang dipungut menyaksikan **peningkatan yang ketara sehingga mencapai 99.77% daripada yang diunjurkan di dalam bajet tahun 2020.** Ianya terhasil daripada peningkatan hasil cukai tanah, perolehan pelaburan, pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan lain – lain terimaan.



# 3)PENGUKUHAN SUMBER HASIL MELALUI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Sepanjang tahun 2020 juga, Kerajaan telah memberi pelbagai **insentif antaranya meluluskan pelanjutan tempoh bayaran cukai tanah berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), serta pengurangan (remisyen) cukai tanah ke atas tanah-tanah kegunaan Perindustrian dan Lain-lain** ini secara berperingkat mengikut tahun dan peratusan yang dibenarkan.



# 3)PENGUKUHAN SUMBER HASIL MELALUI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

**Usaha – usaha penguatkuasaan yang bersepadu akan menjadi antara faktor kepada peningkatan kepada sumber hasil kepada kerajaan**. Pungutan hasil daripada Aktiviti Penguatkuasaan Dan Pendakwaan pada tahun 2020 juga mencatatkan satu jumlah yang sangat memuaskan. Keadaan ini didorong oleh, antara lain, pelaksanaan aktiviti pemantauan yang berterusan dalam pemindahan bahan batuan.



# 3)PENGUKUHAN SUMBER HASIL MELALUI PENGUATKUASAAN BERSEPADU

Kerajaan Negeri menyedari bahawa kebergantungan kepada sumber asli tidak akan berpanjangan. Oleh itu, pembudayaan kearah persediaan penerokaan sumber – sumber baharu dijalankan secara berperingkat dan berhemah.





## 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Tahap kecekapan sistem penyampaian mesti diperkasa, sebagai penjawat awam, tanggung-jawab yang kita laksanakan bukan semata-mata berdasarkan ganjaran daripada upah atau gaji, malah ia merupakan satu kerja amal soleh dan ibadah yang sangat disukai oleh Allah SWT bahkan ia merupakan gerak kerja fisabillah

*Sebagaimana sabda Nabi SAW:*

إن كان خرج يسعى على ولدِه صِغارًا فهو في سبيلِ اللهِ وإن كان خرج يسعى على أبوَيْن شيخَيْن كبيرَيْن فهو في سبيلِ اللهِ

*Maksudnya:*
*Sekiranya dia keluar untuk menampung perbelanjaan anak kecilnya maka kerjanya fisabilillah, begitu juga jika dia keluar untuk menangung bebanan kedua orang tuanya maka kerjanya fisabillilah.*

**Konsep Ubbudiyyah, Masulliyah dan Itqan sebagai asas kepada kecemerlangan perkhidmatan awam negeri Kelantan.**



# 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN




Tahniah kepada **Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dengan sokongan jabatan lain seperti JAHEIKH, IPTG, YTK, ILPK** dalam memastikan pelaksanaan dan penghayatan UMI melalui bengkel, seminar dan ceramah kepada semua kakitangan awam.

# 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Dan bermula pada tahun ini, Kerajaan Negeri akan mengadakan **Solat Dhuha dan Kuliah Dhuha pimpinan Kerajaan Negeri bersama Kakitangan Awam**. Tujuan utama pelaksanaan adalah untuk membentuk suasana penghayatan UMI itu sendiri.



## 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Kerajaan Negeri Kelantan amat serius dalam menangani isu pelanggaran integriti, rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan melibatkan Penjawat Awam Negeri Kelantan



## 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

4 Oktober 2020, pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan telah melancarkan **Pelan Anti Rasuah Kelantan (KACP) 2020-2024.** Semua jabatan dapat memastikan segala perancangan, perolehan kerajaan termasuklah peruntukan bajet, peruntukan program dan bantuan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggunjawab dan integriti agar sampai kepada rakyat.



## 4)PEMERKASAAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

Ketiga, kita perlu memastikan setiap **rakyat mendapat akses maklumat yang tepat** dan cepat bagi setiap dasar dan program yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Oleh itu, Kerjasama strategik antara agensi penerangan Persekutuan dan Negeri perlu untuk **meningkatkan penyaluran maklumat kepada rakyat** di pelbagai peringkat.



أمانت تاهون بهارو 2021

**AMANAT TAHUN BAHARU**
**YAB MENTERI BESAR KELANTAN**
05 januari 2021 ■ 21 JAMADILAWAL 1442



*Tahniah & Syabas*

Kepada seluruh penjawat awam Negeri Kelantan atas kejayaan cemerlang dalam pentadbiran dan pengurusan dalam menyokong dan melaksanakan dasar dan program Kerajaan sehingga ke hari ini dengan kerja keras yang berterusan

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عَٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

*Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan".*

*(Surah At-Taubah, 105)*



# Terima kasih

**Kepada semua yang terus menjayakan dasar Membangun Bersama Islam dan merakyatkannya sepanjang 3 Dekad ini**.

Semoga Allah memelihara Kerajaan ini untuk terus membawa negeri Kelantan sebagai sebuah negeri Berkat, Makmur dan berkebajikan. Teruskanlah usaha ini sehingga Allah mengurniakan kepada kita dengan keberkatan, kerahmatan dan kemenangan yang besar suatu hari nanti.

3
1990-2020
ممباڠون برسام إسلام